

PKPD di lima taman perumahan, perkampungan di Pekan

Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my



FOTO HIASAN

Kuala Lumpur: Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di lima taman perumahan dan perkampungan di daerah Pekan, Pahang bermula esok hingga 22 April depan.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia membabitkan perumahan di Taman Mentiga Jaya, Taman Perdana, Perkampungan Peramu Jaya 3, Taman Sepekan Makmur dan Kampung Pulau Serai .

Ismail Sabri berkata, keputusan itu dibuat selepas kerajaan membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mengenal pasti wujud Kluster Teknologi Peramu Jaya di daerah berkenaan membabitkan pekerja kilang menetap di kawasan itu.

"Sehingga kini, KKM sudah melaksanakan 495 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatif sebanyak 67 kes positif Covid-19 direkodkan daripada kluster berkenaan.

"Berikutan itu, KKM mengesahkan berlaku penularan jangkitan Covid-19 di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.

"Atas nasihat KKM, kerajaan bersetuju melaksanakan PKPD di kawasan terbabit," katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Menurut Ismail, pelaksanaan PKPD itu adalah bagi memastikan pergerakan penduduk di lokaliti itu dapat dikawal.

"Ia juga bertujuan mengelakkan penularan jangkitan Covid-19 ke komuniti luar," katanya.

Disiarkan pada: April 8, 2021 @ 6:54pm